

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Friday, 3 March, 2017 11:27 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Hotel EDC Juara Sintok King Chef



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

3 MAC 2017, JUMAAT | 4 JAMADILAKHIR 1438H



HEP: Kumpulan First Time dari Hotel EDC muncul juara Sintok King Chef 2017 anjuran Jawatankuasa Pengurusan Kebudayaan Majlis Kebajikan Sukan dan Kebudayaan (MKSK) dengan Kerjasama Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pertandingan yang berlangsung semalam itu adalah bersempena dengan Karnival Kebudayaan Kesenian dan Keusahawanan (3K) 2017.

First Time yang diwakili oleh Hasnurizal Md. Isa dan Mohd Fisol Ishak telah berjaya merangkul gelaran juara dan sekali gus melayakkan mereka memenangi hadiah wang tunai RM600, trofi serta sijil penyertaan.

Pengarah PBS Huzaidy Hussain berkata, pertandingan kali ini cukup hebat dengan penyertaan lebih dari 21 kumpulan yang terdiri daripada mahasiswa UUM, staf dan komuniti luar.

Katanya, menerusi pertandingan ini, pelajar berpeluang mempraktikkan ilmu yang dipelajari ketika di kelas selain turut melatih pelajar menjadi lebih cekap dan yakin dengan kemampuan diri.

"Saya terharu dengan usaha semua peserta dalam memberikan komitmen masing-masing bagi menghadapi pertandingan ini walaupun mereka pada tahap pendidikan yang berbeza.

Program ini bertujuan mencungkil bakat dan minat pelajar dalam seni kulinari serta masakan sekali gus menggalakkan pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang ini.

Manakala naib johan dimenangi oleh kumpulan The Green Pekasam dari Pusat Penginapan Pelajar yang diwakili oleh Mohd Maliki A.Rahman dan Sarina Salleh.

Tempat ketiga disandang oleh kumpulan Dapur Berasap dari Inapan Siswa SME Bank yang diwakili oleh Mohamad Nazreen Nasha Abu Samah dan Mohamad Saiful Izham Shah.

Masing-masing berjaya membawa pulang wang tunai RM500 dan RM400 serta trofi dan sijil penyertaan.

Selain itu, pertandingan ini diserikan lagi dengan kehadiran selebriti iaitu Liza Abdullah yang mencuit hati penonton dengan telatahnya yang bersahaja.

Hadiah disampaikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Dr. Awan Ismail.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL : 04-928 4215

FAKS : 04-928 4222

EMAIL : pbs@uum.edu.my

WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in